

Struktur keluarga dan pengaruh ibu bapa

Nurzaira Azreena Bt. Rahamat

Pembentukan awal konsep sendiri seseorang dikatakan bermula daripada zaman kanak-kanak dan ianya sangat bergantung kepada pengaruh ibu bapa atau penjaganya. Seward (1956) menyatakan bahawa hubungan kanak-kanak dengan orang dewasa di rumah (orang signifikan) adalah pengaruh utama kepada cara ia mengkonsepsi dirinya melebihi daripada faktor budaya.

Berlandaskan kepada teori ini, para pengkaji cuba mencari hubungan antara latar belakang keluarga seorang kanak-kanak kulit hitam dengan pembentukan konsep kendirinya. Mereka berpendapat kanak-kanak kulit hitam cenderung memiliki estimasi sendiri yang rendah disebabkan struktur keluarga yang tidak sempurna. Ini disebabkan terdapat perbezaan antara struktur keluarga kulit hitam dan kulit putih.

Pada suatu ketika dahulu, wanita kulit hitam lazimnya melahirkan anak tanpa berkahwin terlebih dahulu dan anak ini akan dibesarkan olehnya secara bersendirian (anak itu akan membesar tanpa kehadiran bapa). Peratusan wanita kulit hitam yang berbuat demikian adalah lebih tinggi daripada wanita kulit putih iaitu 27% berbanding 7%. Jumlah ini adalah berdasarkan dapatan daripada kajian yang dibuat oleh Rosernberg dan Simmons pada tahun 1972 ke atas 1,988 kanak-kanak sekolah dalam gred 3 hingga 12 di Baltimore City, Maryland.

Bagaimanapun hasil kajian Rosernberg dan Simmons tersebut mendapati faktor latar belakang keluarga (status sebagai anak luar nikah disebabkan ibu tidak berkahwin) tidak memberikan sebarang kesan kepada estimasi sendiri kanak-kanak kulit hitam memandangkan keadaan tersebut adalah perkara yang lumrah bagi kelompok kaum mereka. Sebaliknya bagi kanak-kanak kulit putih yang akan berasa malu sekiranya mereka adalah anak luar nikah.

Kajian selanjutnya Rosernberg dan Simmons mendapati bahawa kanak-kanak yang bersekolah di sekolah yang didominasi oleh kanak-kanak kulit hitam (di mana ramai anak luar nikah) tidak ada sebarang perbezaan tahap estimasi sendiri di kalangan mereka. Ini bermaksud sama ada kanak-kanak itu adalah anak luar nikah atau tidak tahap estimasi sendiri

mereka adalah lebih kurang serupa. Namun sekiranya kanak-kanak itu bersekolah di sekolah orang kulit putih (di mana anak luar nikah dipandang rendah) ianya akan memberikan kesan estim sendiri yang rendah kepada mereka.

Dai dalam Wylie *et.al* (1979) ada menyatakan bahawa kanak-kanak kulit hitam akan memiliki estim sendiri yang rendah disebabkan mereka biasanya hidup dalam lingkungan keluarga yang *matriarchal* iaitu hanya mempunyai ibu sahaja di rumahnya dan ibulah yang akan mengetuai keluarga (anak yang tidak berbapa). Satu kajian yang dibuat oleh Jelani dan Murray (2000) mendapati keadaan ini sebenarnya hanya akan memberi kesan ke atas estim sendiri remaja lelaki kulit hitam sahaja dan tidak memberikan sebarang kesan kepada remaja perempuan kulit hitam. Kajian mereka menunjukkan remaja lelaki kulit hitam yang tidak berbapa memiliki estim sendiri yang rendah berbanding remaja lelaki kulit hitam yang mempunyai bapa. Berdasarkan kepada 'hipotesis model lelaki' (*male model hypothesis*) dan 'hipotesis pengenalan jantina' (*gender identification hypothesis*) kanak-kanak lelaki dikatakan memerlukan kehadiran bapanya sebagai model 'kelelakian' yang akan membentuk identiti diri yang stabil dan seterusnya menghasilkan konsep sendiri yang positif (Jelani dan Murray, 2000).

Oleh itu, dengan bersandarkan kepada dapatan kajian ke atas struktur keluarga kulit hitam ini ramai pengkaji membuat kesimpulan bahawa perbezaan organisasi dan budaya keluarga antara ras/etnik adalah merupakan salah satu pembolehubah yang menyebabkan berlakunya perbezaan konsep sendiri antara ras/etnik (Wylie *et.al*, 1979). Selain itu, corak asuhan serta nilai kepercayaan yang diamalkan oleh ibu bapa kulit hitam yang berbeza dengan orang kulit putih disebabkan oleh faktor sosioekonomi juga boleh mempengaruhi cara kanak-kanak kulit hitam itu mengkonsepsi dirinya.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Hamdan Kadir (2010) The Effects of Various Modes of Absenteeism Problem in School on the Academic Performance of Students in Secondary Schools European Journal of Social Sciences Vol 12 Issue 4.
- Azizi Yahya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2005). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, and Faizah (2012), Aggressive behavior and the influencing factors at five schools in Johor Bahru, *Elixir Psychology* 42A 6530-6536 ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya,, Jamaludin Ramli,, Noordin Yahaya & Goh Siao Yen (2010) Self- Esteem, Coping Difficulties, Self-Efficacy, and Illness Symptoms as a Prediction of Supported Education for Students With Psychiatric Disabilities, *Procedia Behavioral Science*, Elsevier Publication, International Conference on Learner Diversity 2010(C) (2010) 642–651
- Azizi bin Hj Yahaya, Jamaludin Ramli , Noordin Hj. Yahaya, Saini Jaalam, Jasmi Ismail, Teachers and Students Perception towards Bullying In Batu Pahat District Secondary School European Journal of Social Science ISSN: 1450-2267 *Volume 11, Number 4 (2009)*
- Azhar Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2005). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. *Developmental Psychology*. 32. 777-780.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L. and Bosma, H. (1998). *Adolescents' Perceptions of Communication with Parents Relative to Specific Aspects of Relationships with Parents and Personal Development*. *Adolescence*. 21(3). 305-322.
- Walker, L. (1986). *Experiential and Cognitive Sources of Moral Development in Adulthood*. *Human Development*. 29. 113-124.
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.